

CNS8976

U GB 29-12 00184 BA291

BAH

Mahathir - ASN '''

ALOR SETAR, 29 Dis⁹⁰ (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jumlah pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN) meningkat begitu tinggi dalam masa tiga bulan kebelakangan dan bimbang kemungkinan ada kaum Bumiputera yang menjual +nama+ kepada golongan tertentu untuk mengaut untung sebelum skim itu berakhir tahun ini.

Perdana Menteri berkata, jumlah pelaburan ASN meningkat secara mendadak kepada \$1,000 juta dalam masa tiga bulan ini berbanding dengan \$200 juta yang dikutip dalam tempoh tiga bulan sebelumnya.

Pada masa yang sama, bilangan Bumiputera yang ingin menambah pelaburan bagi mencukupkan jumlahnya kepada jumlah maksimum \$50,000 juga meningkat, jelas beliau.

Ini menimbulkan tanda tanya daripada mana datangnya punca wang itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia di Dewan Persidangan Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Muda (MADA) di Ampang Jajar, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, punca wang tersebut boleh diragui dan beliau tidak menolak kemungkinan ada kaum Bumiputera yang +menjual nama+ kepada golongan tertentu untuk membeli ASN. -- Lagi.

♥29/12/16-48MST

CNS8978

U GB 29-12 00122 BA292

BAH

Mahathir - ASN 2 Alor Setar '''

Perdana Menteri bimbang sekiranya kaum Bumiputera mengambil kesempatan dengan cara yang sedemikian, rancangan yang diwujudkan oleh kerajaan untuk kaum Bumiputera digagalkan oleh kaum Bumiputera sendiri.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau diberitahu ada Bumiputera yang membawa wang sebanyak \$300,000, siap dengan borang-borang yang diperlukan ke pejabat ASN untuk membuka akaun ASN sejak akhir-akhir ini.

+Tetapi jauh di sana, kita nampak ada orang menunggu,+ katanya.

Beliau percaya terdapat golongan tertentu yang menggunakan kaum Bumiputera untuk mendapatkan keuntungan daripada skim yang dikhaskan kepada Bumiputera.

+ASN membayar bonus hujung tahun sebanyak 60 peratus. Sekiranya mereka melabur \$50,000, mereka boleh mendapat untung \$30,000,+ katanya. -- Lagi.

♥29/12/16-51MST

CNS8980

U GB 29-12 00095 BA293

BAH

Mahathir - ASN 3 Alor Setar '''

Datuk Seri Dr Mahathir juga yakin ada kaum Bumiputera yang akan menjualkan saham-saham ASN mereka apabila saham ASN diniagakan pada pasaran terbuka mulai tahun depan sekiranya tindakan itu memberi keuntungan.

Katanya, sekiranya ramai kaum Bumiputera terus berbuat demikian, pegangan saham Bumiputera dalam syarikat-syarikat besar, yang jumlahnya 20 peratus pada masa ini, akan berkurangan.

Beliau berkata, ini kerana pegangan saham Bumiputera dalam korporat yang besar-besar seperti Guthrie, Harrisons and Crossfield dan Boustead pada masa ini ialah melalui ASN. -- Bernama.